

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (TENGAH)

TARIKH: 30 JANUARI 2018

MUKA SURAT: 72

Putrajaya

Elektrik berlebihan cetus kebakaran

Penggunaan elektrik secara berlebihan dipercayai menjadi punca kebakaran sebuah unit pangsapuri kuarters penjawat awam di Presint 16, di sini, malam kelmarin.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim berkata, hasil siasatan awal mendapati pemilik rumah menggunakan sambungan elektrik yang banyak sehingga berlaku percikan api hingga merebak ke bahagian lain.

“Nasib baik kebakaran berlaku di tingkat empat... Sekiranya berlaku di tingkat yang lebih tinggi terutama melebihi 10 tingkat, proses pemadaman

akan menjadi lebih sukar kerana sistem pancur basah (wet riser) di dalam bangunan ini tidak berfungsi.

“Pancur basah yang berfungsi boleh digunakan terus untuk memadam kebakaran kerana mempunyai air tetapi sistem ini rosak dan pihak bomba perlu pam air dari kenderaan bomba,” katanya ketika ditemui selepas melawat lokasi kejadian, semalam.

Menurut Wan Mohd Nor, bangunan berkenaan perlu mempunyai sistem pancur basah yang boleh berfungsi dengan baik terutama ke atas bangunan yang lebih daripada 10 tingkat.